

Headline	Timba ilmu dan pengalaman di Malang, Indonesia		
MediaTitle	Kosmo		
Date	16 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	155,996
Page No	25	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	802 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 20,893
Frequency	Daily	PR Value	RM 62,679



PESERTA terdiri daripada 20 pelajar Fakulti Sains UM yang menyertai program pertukaran pelajar diraikan oleh pihak pengurusan Universitas Negeri Malang.

Timba ilmu dan pengalaman di Malang, Indonesia

JAUH perjalanan luas pemandangan. Itulah ungkapan yang sesuai untuk sekumpulan mahasiswa pelbagai jurusan daripada Fakulti Sains, Universiti Malaya (UM) untuk bertukar-tukar fikiran dan meluaskan jaringan selain meneroka keindahan alam semula jadi dan adat budaya negara orang.

Seramai 20 mahasiswa menyertai program pertukaran pelajar ke Universitas Negeri Malang, Indonesia selama dua minggu, baru-baru ini.



ZUL ILHAM

Pensyarah Kanan Fakulti Sains UM, Dr. Zul Ilham Zulkiflee Lubes berkata, program itu merupakan sebahagian daripada rangka kerjasama yang telah dimeterai antara fakulti berkenaan dengan Fakulti Matematik dan Ilmu Pengetahuan Alam (FMIPA), Universitas Negeri Malang.



NURSYUHADA

"Program pertukaran pelajar memberikan pendedahan dan pengalaman kepada para mahasiswa Fakulti Sains di peringkat antarabangsa bagi meningkatkan potensi global

mereka. Di samping itu, pelajar dan pensyarah yang terlibat di kedua-dua institusi dapat meluaskan jaringan hubungan antarabangsa melalui pertukaran dan perbincangan idea.

RENTAK kampus

"Keadaan yang kondusif seperti ini secara tidak langsung menggalakkan para pelajar meneroka sistem atau bidang ilmu baharu, secara berkongsi dengan memanfaatkan kepentingan dan kelebihan negara masing-masing dalam aspek-aspek yang tertentu," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Selain pertukaran budaya dan pengalaman, program tersebut turut memberi penumpuan kepada input akademik, malah Zul Ilham sendiri menyampaikan satu kuliah khusus yang bertajuk Penerokaan Penyelidikan

Biotenaga untuk Kelestarian Alam Sekitar dan Komuniti kepada pensyarah dan pelajar FMIPA.

Jati diri

Bagi seorang siswi, Nursyuhada Saidin, 21, peserta dapat menjadikan program itu sebagai satu platform untuk lebih terdedah kepada persekitaran semasa yang memerlukan mereka keluar daripada zon selesa.

"Proses ini adalah amat kritikal bagi membentuk jati diri dan keupayaan diri untuk lebih bermotivasi semasa mengejar kejayaan yang diimpikan dalam pendidikan tinggi," ujarnya.

Program turut melibatkan komuniti setempat di Daerah Kampung Gubuk Klakah, yang terletak di kaki Gunung Bromo iaitu antara puncak gunung berapi tertinggi di Indonesia.

Para peserta bermalam



PELAJAR Fakulti Sains UM menyertai aktiviti penyelidikan ulat sutera pada program pertukaran pelajar baru-baru ini.

di kampung itu dan belajar menyediakan juadah tempatan dan turut membantu penduduk menjual hasil tanaman mereka di pasar tani yang dikenali sebagai Pasar Tumpang.

Para peserta juga berpeluang mengecat topong adat Malang yang banyak digunakan dalam majlis keramaian dan kebudayaan.

Selain itu, mereka turut berpeluang melihat proses industri ulat sutera tempatan dengan lebih dekat.

"Kecemerlangan akademik sahaja tidak mencukupi untuk seseorang pelajar jika tidak dilengkapi dengan kemahiran sosial dan komunikasi yang membolehkan mereka menyumbang kepada komuniti apabila bergraduasi kelak.

Peluang ini lihat sangat penting sebagai medan untuk mengasah kemahiran-kemahiran tersebut," tambah Zul Ilham.



PELAJAR tidak ketinggalan meneroka sisi budaya dan adat masyarakat Jawa Timur menerusi aktiviti mewarnakan topong adat Malang.



PELAJAR juga berpeluang mempelajari adat budaya Jawa Timur dengan mencuba pakaian tradisional tempatan.